Baca petikan tersebut dengan teliti. Kemudian, kenal pasti dan betulkan kesalahan yang terdapat dalam petikan tersebut.

Semarak Perpaduan

Pada hari isnin yang lalu, sekoolah kebangsaan seri harmoni telah mengadakan program semarak perpaduan yang disertai oleh semua murid Tahun Enam. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat bersatu padu di kalangan murid-murid supaya mereka dapat hidup dengan aman damai. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pertandingan mewarna poster, sukaneka dan juga persembahan kebudayaan dari kaum Melayu, Cina dan India yang sangat menarik sekali.

Saya dan kawan-kawan merasa gembira kerana dapat menyertai program tersebut walaupun cuaca sangat panas terik. Guru besar memberi ucapan yang panjang lebar dan beliau mengatakan bahawa perpaduan adalah tanggung jawab setiap pelajar yang perlu dijaga dengan baik agar negara malaysia terus maju kehadapan. Selepas itu, kami pergi ke dewan makan untuk menjamu selera makanan tradisional seperti nasi lemak, capati dan kuih bulan yang disediakan oleh pihak sekolah.

Pada akhir program, semua murid diminta untuk menyanyi lagu Negaraku dengan penuh semangat dan berdiri tegak di tengah padang sekolah. Program semarak perpaduan ini telah memberi banyak pengajaran kepada kami supaya sentiasa hormat menghormati antara satu sama lain dan tidak bergaduh sesama rakan-rakan.

Kesalahan	Pembetulan
isnin	
sekolah kebangsaan seri harmoni	
di kalangan	
sekoolah	
sangat menarik sekali	
merasa gembira	
tanggung jawab	
malaysia	
maju kehadapan	
di sediakan	
hormat menghormati	

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS